

**Agong, Raja Permaisuri Hadiri Malam Anugerah Pelancongan Malaysia  
Bernama  
21 Disember, 2011**

KUALA LUMPUR, 21 Dis (Bernama) -- Duta makanan Malaysia Datuk Redzuawan Ismail dan pereka sepatu wanita tersohor dunia Profesor Datuk Jimmy Choo menerima Anugerah Khas Kementerian Pelancongan bagi usaha mempromosi negara di luar negeri.

Mereka menerima trofi daripada Menteri Pelancongan Datuk Seri Dr Ng Yen Yen pada majlis Malam Anugerah Pelancongan Malaysia 2010/2011 di sini Selasa.

Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Haminah Hamidun berkenan berangkat ke majlis itu.

Ng turut menyampaikan 11 anugerah lain meliputi perkhidmatan hotel terbaik hinggalah majalah pelancongan berinovasi.

Penerima anugerah antaranya Borneo Adventure Tours menerusi kategori Program Pelancongan Terbaik manakala Taman Negara Mulu, Sarawak bagi Tarikan Pelancong Berinovasi untuk Tarikan Semulajadi serta Ekopelancongan dan Melaka River Cruise dalam kategori Tarikan Buatan Manusia.

Sementara itu, wartawan akhbar The New Straits Times Zalina Mohd Som diangkat sebagai penulis berbahasa Inggeris tempatan terbaik bagi Artikel Pelancongan Kreatif mengenai Malaysia manakala Norwahidah Che Musa dari Majalah Libur bagi kategori Bahasa Malaysi dan Cheryl Ann Couto dari Penerbitan Lonely Planet memenangi kategori penulis asing.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=635503>